

22 APR 1998

DR MAHATHIR DAN CHUAN MENGADAKAN PERTEMUAN

HAADYAI, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya di Thailand, Chuan Leekpai memulakan mesyuarat delegasi di JB Hotel, di sini, petang ini.

Mereka dijangka membincangkan mengenai hubungan dua hala dan juga isu-isu kepentingan bersama di peringkat serantau dan antarabangsa.

Turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya di Thailand, Dr Surin Pitsuwan.

Mesyuarat itu yang bermula pada 5.05 petang (6.05 petang waktu tempatan) dijangka berlangsung selama 90 minit. -- BERNAMA

JM PR